

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi potongan atau pengecualian yuran sekolah untuk tahun 2021 kepada golongan B40 terutamanya sebagai salah satu usaha Kementerian membantu meringankan tanggungjawab ibu bapa yang terjejas pendapatan sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memansuhkan semua yuran sekolah yang dikenakan kepada ibu bapa atau penjaga murid di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) secara berperingkat mulai tahun 2008.

Bagi tahun 2020, KPM menyediakan peruntukan berjumlah RM1.024 bilion bagi membiayai pelaksanaan aktiviti di sekolah melalui pelbagai bantuan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Antaranya, Yuran Khas Sekolah (YKS) untuk aktiviti sukan/permainan, Pendidikan Jasmani, Kerja tangan dan Pendidikan Seni. Sebelum ini YKS dikenakan ke atas ibu bapa kepada murid yang bersekolah di SK dan SBK tetapi telah dimansuhkan mulai tahun 2008.

Pada tahun 2012 pula KPM telah memansuhkan Bayaran Tambahan Persekolahan yang sebelum ini dikenakan kepada setiap ibu bapa atau penjaga kepada murid pada awal tahun persekolahan. Kerajaan menanggung kos bayaran tambahan tersebut untuk murid warganegara melalui pemberian Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) bagi menampung kegiatan kurikulum, kertas ujian dalaman serta kegiatan Pendidikan Islam/ Moral.

Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan pelbagai jenis bantuan khusus berjumlah RM2.454 bilion yang dapat memberi manfaat kepada semua murid yang berkelayakan sepanjang sesi persekolahan. Antara bantuan tersebut adalah Bantuan Awal Persekolahan, Bantuan Makanan Asrama dan Rancangan Makanan Tambahan.

Sekian, terima kasih.